



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 847**

**AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN  
SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023**

Tarikh Perkenan Diraja                    ...     ...                    9 Jun 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta*                    ...                    16 Jun 2023

**Hakcipta Pencetak (H)**

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 847**

### **AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023**

---

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

##### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman mati
3. Permohonan bagi kajian semula hukuman mati
4. Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman pemenjaraan sepanjang hayat
5. Permohonan bagi kajian semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 847**

### **AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori dan pindaan kepada undang-undang yang berhubungan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman mati**

**2.** (1) Sekiranya suatu hukuman mati dikekalkan atau dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Senjata 1960 [Akta 206], Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37], Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan Akta Penculikan 1961 [Akta 365] sebelum

permulaan kuat kuasa Akta ini dan walaupun permohonan bagi pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan telah ditolak, Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan tidak boleh mengkaji semula sabitan terhadap mana-mana orang yang telah dihukum mati.

(3) Bagi maksud mengkaji semula hukuman mati, Mahkamah Persekutuan hendaklah memanggil dan memeriksa rekod prosiding, alasan penghakiman dan dokumen lain yang berkaitan, jika ada.

(4) Setelah mengkaji semula permohonan itu, Mahkamah Persekutuan hendaklah mengekalkan atau menggantikan hukuman pemohon mengikut Kanun Keseksaan, Akta Senjata 1960, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penculikan 1961 sebagaimana yang dipinda melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

### **Permohonan bagi kajian semula hukuman mati**

3. (1) Bagi maksud subseksyen 2(1), mana-mana orang yang telah dihukum mati boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Setelah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hendaklah mengkaji semula hukuman mati itu.

(3) Mahkamah Persekutuan boleh melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) sekiranya Mahkamah Persekutuan menimbangkan bahawa ada sebab yang baik untuk berbuat demikian.

(4) Apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat sekali oleh orang itu.

**Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman pemenjaraan sepanjang hayat**

**4.** (1) Walaupun jika suatu permohonan bagi pengampunan telah ditentukan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan telah menghabiskan segala prosiding kehakiman yang lain sebelum permulaan kuasa Akta ini.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hanya boleh mengkaji semula tempoh hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.

(3) Bagi maksud menentukan tempoh hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, Mahkamah Persekutuan hendaklah memanggil dan memeriksa rekod prosiding, alasan penghakiman dan dokumen lain yang berkaitan, jika ada.

(4) Setelah mengkaji semula permohonan itu, Mahkamah Persekutuan hendaklah menggantikan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun.

(5) Bagi maksud Akta ini, “pemenjaraan sepanjang hayat” bermaksud pemenjaraan sehingga kematian orang yang terhadapnya hukuman itu dijatuhkan.

**Permohonan bagi kajian semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat**

**5.** (1) Bagi maksud subseksyen 4(1), mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan sepanjang hayat boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permulaan kuasa Akta ini.

(2) Setelah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hendaklah mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat itu.

(3) Mahkamah Persekutuan boleh melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) sekiranya Mahkamah Persekutuan menimbangkan bahawa ada sebab yang baik untuk berbuat demikian.

(4) Apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat sekali oleh orang itu.